

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Cuti bersalin pegawai perubatan kini 90 hari

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sudah memberi lanjutan sehingga 90 hari cuti bersalin kepada pegawai perubatan, berbanding tempoh yang dihadkan 60 hari, sebelum ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulekfly Ahmad, berkata hal itu sudah diselesaikan, biarpun kementerian masih berdepan kekurangan sumber manusia.

Beliau berkata, KKM sudah mengembalikan cuti itu kepada 90 hari seperti diperuntuk kerajaan.

"Kita juga sedar mengenai cuti bersalin ini penting. Kita akan memastikan semua mendapat kelayakan untuk cuti bersalin.

"Kita baru bercakap mengenai keperluan untuk ibu memberikan psikologi pada anak, belaian kasih dan sebagainya. Tempoh 90 hari itu sangat penting," katanya di sini semalam.

Sabtu lalu media melaporkan, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor meluluskan penetapan cuti bersalin hanya 60 hari, berikutan kekurangan pegawai perubatan di Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat, Selangor.

Pengarah Kesihatan Selangor, Dr Ummi Kalthom Shamsudin, berkata keputusan itu mengambil kira tujuh pegawai perubatan bercuti bersalin secara serentak di beberapa klinik kesihatan sepanjang Jun dan Julai lalu.

Mengulas lanjut, Dr Dzulekfly berkata, KKM akan melakukan pergerakan membabitkan pegawai perubatan bagi menangani isu kekurangan sumber manusia ketika pegawai perubatan lain cuti bersalin.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

BH Rabu, 7 Ogos 2024

MindaPembaca

13

Jangan kompromi wujudkan generasi terakhir tanpa vape

Tan Sri Lee
Eam Thye,
Pengerusi
Ikatan Komuniti
Selamat

Baru-baru ini BH ada menerbitkan dua laporan mengenai vape atau rokok elektronik. Laporan pertama itu mengenai Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan digesa untuk mengeluarkan fatwa pengharaman vape seperti tindakan serupa yang sudah dilakukan terhadap rokok.

Laporan kedua pula ialah berkenaan kurangnya kesedaran dalam kalangan remaja menyebabkan hal itu menjadi antara punca mengapa mereka mudah terpengaruh dengan rokok elektronik pada masa ini.

Bahaya isu vape ini adalah sesuatu yang amat serius terutamanya kepada golongan muda. Buat golongan yang berusia di bawah 18 tahun mereka sangat terdedah kepada isu rokok elektronik ini.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sehingga kini sudah menerima 17 kes penyakit berkait paru-paru, iaitu E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI) berpunca daripada penggunaan produk berkenaan. Sehingga Jun tahun lalu ada kes yang membabitkan seorang remaja perempuan 16 tahun dilaporkan meninggal dunia disyaki akibat EVALI serta mempunyai sejarah menghisap vape selama tiga tahun.

Selain itu juga dilaporkan bahawa terdapat sebanyak 69 kes keracunan vape dalam kalangan kanak-kanak dari tahun 2015 hingga Ogos 2023. Ini

termasuklah kes yang membabitkan mangsa berusia dua tahun. Dalam kes itu mangsa berhadapan keracunan nikotin akut dipercayai akibat tertelan cecair vape pakai buang di Bera.

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022 menunjukkan peningkatan e-rokok atau vape hingga 5 peratus, iaitu daripada 9.8 peratus pada 2017 kepada 14.9 peratus (2022) termasuk remaja perempuan, iaitu daripada 2.8 peratus kepada 6.2 peratus. Ia bukan sahaja mencengkam se-

“ Kita perlu berusaha keras sehingga mampu mewujudkan generasi terakhir yang tidak lagi menyedut apa jua asap ke dalam paru-paru mereka ”

kolah menengah, bahkan menular di sekolah rendah dengan peranti pelbagai bentuk daripada sistem pod dan mod hingga pen hatta menyerupai mainan.

Mudarat nyawa generasi muda

Selagi kita tidak melaksanakan akta yang benar-benar serius untuk memerangi rokok elektronik itu selagi itulah kita membiarkan pemuda harapan bangsa dan pemuda tiang negara terdedah dengan ancaman yang boleh memudaratkan nyawa dan kesihatan mereka.

Harapan saya ialah supaya pihak Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan duduk dan berbincang sebaiknya bagi membantu remaja daripada terus digeluti dengan najis ini.

Ibu bapa dan guru juga perlu sama-sama memainkan peranan sebagai barisan hadapan dalam membendung penularan penggunaan rokok elektronik ini dalam kalangan anak-anak mereka dan pelajar. Hal ini tentu saja disebabkan mereka lebih banyak masa dengan anak-anak dan pelajar setiap hari.

Kita perlu berusaha keras sehingga mampu mewujudkan generasi terakhir yang tidak lagi menyedut apa jua asap ke dalam paru-paru mereka. Langkah itu penting kerana pengambilan vape hanya akan merosakkan diri dan masa depan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37
RUANGAN : NIAGA

Kosmo/ RABU 7 OGOS 2024

37

niagakosmo@mediamulia.com.my

**Niaga!**


Penjenamaan semula KPJ Healthcare

KUALA LUMPUR – KPJ Healthcare Berhad (KPJ Healthcare) melancarkan penjenamaan semulanya selepas tempoh 43 tahun, yang, merupakan elemen penting dalam perjalanan transformasinya sejak 2023.

Presiden dan Pengarah Urussannya, Chin Keat Chyuan berkata, identiti jenama baharu KPJ Healthcare menggunakan gaya lebih kontemporari dengan warna keemasan yang menunjukkan komitmennya terhadap kece merlangan.

"Penjenamaan semula ini bukan sekadar perubahan logo atau rupa baharu, ia merupakan simbol transformasi dan kemajuan KPJ seiring dengan peningkatan usaha dalam memberikan penjagaan kesihatan lebih baik, didorong teknologi serta inovasi.

"Paling penting, warga kami akan turut bersama-sama dalam transformasi budaya ke arah menjadikan pesakit sebagai fokus utama dalam operasi dan



CHIN KEAT CHYUAN (kainan) bergambar bersama logo baharu KPJ Healthcare di Menara KPJ di Kuala Lumpur semalam.

perkhidmatan," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran logo baharu KPJ Healthcare di Menara KPJ di sini semalam.

KPJ kini mengoperasikan 29 hospital di seluruh negara, serta satu hospital masing-masing di Bangladesh dan Thailand.

Dengan lebih 1,300 perunding kesihatan, ia merawat lebih 3.3 juta pesakit setiap tahun.

Sementara itu, Keat Chyuan menambah, dalam usaha meningkatkan jumlah katil hospital yang dioperasikan kepada 5,000 buah menjelang tahun 2028, pihaknya tidak menolak kemungkinan untuk melaksanakan proses penggabungan dan pengambilan sekiranya bersesuaian.

"Daripada 3,733 katil yang dimiliki pada tahun lalu, kami dijangka mampu mencapai kapasiti 4,101 katil tahun ini dan saya merasakan sasaran 5,000 katil ini mampu dicapai lebih awal," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Isu cuti bersalin 60 hari kepada doktor di Hulu Langat selesai

PUTRAJAYA - Cuti bersalin yang sebelum ini dihadkan kepada 60 hari terhadap pegawai perubatan telah dikembalikan kepada 90 hari seperti diperuntukkan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, isu berkaitan yang dibangkitkan telah diselesaikan sepenuhnya.

"Kementerian sedar bahawa cuti bersalin sangat penting dan perkara ini telah diselesaikan dengan pegawai perubatan diberi lanjutan 90 hari," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pengukuhan 1,000 Hari Pertama Kehidupan Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan di sini pada Selasa.

Dr Dzulkefly berkata, sebagai langkah penyelesaian kekurangan

sumber manusia ketika doktor lain sedang cuti bersalin, Kementerian akan melakukan mobilisasi pegawai perubatan.

"Doktor dari daerah yang sama akan dimobilisasi ke klinik yang memerlukan bagi tempoh tersebut," jelasnya.

Beliau berkata demikian mengulas tindakan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Langat menghadkan cuti bersalin kepada 60 hari untuk semua pegawai perubatan di klinik kesihatan awam sejak 27 Jun sebagai langkah mengatasi kekurangan doktor.

Sebelum ini, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Dr Ummy Kalthom Shamsudin berkata, pe-

netapan cuti bersalin selama hanya 60 hari dipersetujui semua ketua klinik di daerah berkenaan.

Keputusan itu dicapai dengan mengambil kira terdapat tujuh pegawai perubatan cuti bersalin secara serentak di beberapa klinik kesihatan sepanjang Jun dan Julai lepas.

Sementara itu mengulas mengenai program diadakan, Dr Dzulkefly berkata, masalah beban berganda malpemakanan tidak hanya berlaku dalam kalangan kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah.

Jelasnya, masalah itu turut membelenggu golongan pertengahan dan berpendapatan tinggi.

"Mereka mungkin kaya dan



Dr Dzulkefly (tengah) dalam sidang akhbar di Putrajaya pada Selasa.

berpendapatan tinggi tetapi tidak memberikan diet yang sempurna kepada anak-anak dan kita terkejut ia berlaku di Putrajaya," kongsinya.

Tinjauan Kebangsaan

Kesihatan Malaysia (NHMS) 2016 mendapati kadar bantut kanak-kanak di Putrajaya adalah 24.3 peratus melebihi kadar prevalens negara ketika itu iaitu 20.7 peratus.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

KKM dibidas gagal patuhi peraturan ditetapkan

Oleh **NUR AIMI HAZIRAH**
hazrah.hizam@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kumpulan Hartal Doktor Kontrak (Hartal) membidas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana gagal mematuhi peraturan yang dilaksanakan berhubung cuti bersalin sekurang-kurangnya 14 minggu.

Jurucakapnya berkata, kegagalan itu dianggap mengabaikan pengorbanan golongan profesional selain menghina pekerja kaum wanita di samping bertentangan dengan piawaian Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO).

“Tindakan Pusat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Langat jauh daripada piawaian ILO, menonjolkan ketidakselarasan yang serius dengan norma buruh antarabangsa.

“Sangat hipokrit apabila kerajaan menetapkan 98 hari cuti bersalin bergaji untuk sektor swasta tetapi gagal menegakkan piawaian yang sama di institusi sendiri,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Terdahulu, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Adnan Mat menggesa KKM menyelesaikan segera masalah kekurangan petugas kesihatan di fasiliti kerajaan.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

KKM dibidas gagal patuhi peraturan ditetapkan

Dari muka 1

Mengulas lanjut, jurucakap Hartal berkata, maklum balas Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Dr. Ummi Kalthom Shamsudin juga menunjukkan kekurangan empati dan kemanusiaan sebagai seorang wanita.

Katanya, walaupun cabaran itu diakui, sebagai pemimpin, beliau sepatutnya lebih peka dengan memastikan kebajikan pekerja sentiasa terjamin.

"Walaupun cabaran operasi ini diakui, ia tidak membenarkan pengurangan cuti bersalin yang drastik kerana hak asas penting untuk kesihatan dan

kesejahteraan ibu dan bayi.

"Dasar yang pendek akal dan buruk ini adalah sebab mengapa pegawai perubatan menolak jawatan kerajaan dan terus keluar daripada perkhidmatan kerajaan," katanya.

Sementara itu, bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata

Bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, isu dihadapi PKD Hulu Langat itu merupakan tanda awal kekurangan kakitangan di KKM walaupun dengan penambahan 20,000 kakitangan bermula 2018.

Katanya, bagi mengatasi ma-

salah itu, KKM perlu mengkaji semula keperluan jumlah kakitangan kerana ia akan menjadi penentu kepada mutu perkhidmatan kesihatan negara.

"Walaupun penambahan seramai 20,000 sepanjang lima tahun, tetapi masih tidak mencukupi.

"Perlu kaji semula keperluan jumlah kakitangan, khusus doktor dan pakar, untuk memberi mutu perkhidmatan jagaan kesihatan yang baik," katanya.

Boon Chye berkata, penguurangan cuti bersalin juga memerlukan persetujuan pegawai perubatan terlibat bagi memastikan hak asasi pekerja terjamin.

Katanya, ia bagi memastikan persetujuan dapat dicapai sekaligus memberikan kebebasan untuk menentukan tempoh cuti antara 60 sehingga 90 hari seperti yang diperuntukkan.

"Cuti bersalin melebihi 60 hari mungkin menjejaskan mutu perkhidmatan, namun secara prinsip, ketetapan cuti bersalin kurang daripada 90 hari memerlukan persetujuan kakitangan yang terlibat.

"Tempoh maksimum cuti bersalin bagi setiap kelahiran adalah 90 hari dan pegawai diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh itu," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

Cosmetics containing poisons banned

PUTRAJAYA: The Health Ministry has revoked the notification of three cosmetic products as they were found to contain scheduled poisons and are no longer allowed to be sold in Malaysia.

The ministry said GB Night Cream Treatment contains hydroquinone and tretinoin, GB Herbal Cream Treatment contains mercury and betamethasone 17-valerate and Aniqa Night Cream contains tretinoin.

"Mercury is prohibited in cosmetic products as it could be absorbed into the body and cause damage to the kidneys and nervous system.

"It could disrupt the brain development of young or unborn children and cause rashes, irritation and other changes on the skin."

According to the ministry, products containing hydroquinone, tretinoin and betamethasone 17-valerate must be registered with the Drug Control Authority and can only be used on the advice of health professionals.

"Unsupervised use could cause side effects," it said, adding that hydroquinone could cause redness, unwanted changes in colour and hypersensitivity in the skin and

prevent the pigmentation process, reducing the skin's protection from harmful UV rays and increasing the risk of skin cancer.

It said tretinoin could cause the skin to be red, uncomfortable, sore, flaky and hypersensitive to sunlight while betamethasone 17-valerate could cause thin and irritable skin, acne, changes in skin pigmentation and if absorbed into the blood circulatory system, could have other harmful effects.

Sellers and distributors are advised to stop selling and distributing the products immediately as it violates

the Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984.

"Consumers are advised to stop using the products and seek the advice of healthcare professionals if they experience discomfort or adverse effects," said the ministry.

The public is encouraged to check the notification status of a cosmetic product at the official National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) website at www.npra.gov.my or through the NPRA Product Status app, which can be downloaded from the Google Play Store. – Bernama